

MUQADDIMAH

Allah SWT menciptakan para hambaNya yang terdiri daripada jin dan manusia sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr 59:21 yang bermaksud; "Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya".

Penciptaan jin dan manusia adalah semata-mata untuk beribadah, mengenalinya dan mengagungkannya sebagaimana maksud Firman Allah SWT dalam Surah al-Zariyat 51: 56. "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu".

Terdapat banyak bentuk dan sighthah ibadah atau zikrullah sama ada solat, puasa, zakat, haji atau lafaz zikrullah sendiri seperti tasbih, tahmid, tahlil dan takbir yang dilafazkan oleh para makhluk di langit dan di bumi sebagaimana firman Allah dalam surah al-Jumuah 60:1 yang bermaksud; "Segala yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah Yang Menguasai (sekalian alam), Yang Maha suci, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

DEFINISI

Selawat adalah satu bentuk ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT bagi tujuan berdoa, mendoakan dan merahmati.

Selawat Kamilah atau dikenali juga sebagai Selawat Nariah atau Tafrijah (penyelesai masalah) adalah salah satu bentuk sighthah bacaan atau amalan berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang disusun oleh para ulama yang bersumber dari ijtihad atau ilham ruhi dari Allah SWT

DALIL AL-QURAN & HADIS

Perkataan selawat dalam al-Quran seperti Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi Muhammad SAW; Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. (al-Ahzab, 33: 56)

Manakala melalui hadis baginda pula seperti "Seorang lelaki berkata "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami mengetahui cara mengucap salam ke atas diri tuan. Tetapi bagaimanakah pula untuk kami berselawat ke atas diri Tuan?" Rasulullah menjawab "Katakanlah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

JENIS SIGHTAH SELAWAT ATAS NABI

Terdapat 2 katogeri sighthah selawat ke atas Nabi SAW:

1. Sighthah selawat yang bersumber dari Rasulullah SAW
2. Sighthah selawat yang bersumber dari sahabat, para tabien, dan orang-orang soleh terdiri dari para wali Allah SWT samada melalui terus dari Rasulullah (yaqazah) atau melalui mimpi kepada Rasulullah SAW atau ilham rohi dari Allah SWT

HUKUM BERSELAWAT ATAS NABI

Majoriti ulama' berpendapat bahawa selawat ke atas Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu bentuk ibadat sebagaimana berzikir, tahmid dan tasbih. Hukumnya adalah wajib sekali seumur hidup dan sunat serta digalakkan pada setiap masa.

Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibnu Hibban dan al-Hakim yang bermaksud; "Sesiapa yang berselawat ke atas diriku sekali nescaya Allah SWT berselawat ke atas dirinya sebanyak sepuluh kali". Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi, Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud; "Orang yang bakhil ialah seseorang yang tidak berselawat ke atas diriku".

ADAKAH SELAWAT KAMILAH BID'AH SESAT?

Menurut para ulama, Selawat Kamilah ini diasaskan oleh Imam Ali Zainal Abidin bin Hussein bin Ali bin Abu Talib (w.95 H).

Selawat adalah makanan serta disiplin tarbiyah amalan dalam semua tarekat muktabarah seperti Alawiyah, Shadzilyah, Qadiriyyah dan lain-lain.

Menurut Imam Ibnu Hajar al-Haithami RA (W.973H) tanda seorang itu beraqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah memperbanyakkan selawat ke atas Nabi SAW

SIGHTAH SELAWAT KAMILAH

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدَ وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبَ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْعَمَاءُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

"Ya Allah limpahkanlah rahmat yang sempurna dan berilah kesejahteraan yang sempurna kepada junjungan kami Nabi Muhammad SAW yang menjadi sebab terlepasnya segala kebuntuan dan terbukanya segala kesempatan serta dikabulkan segala hajat dan diperoleh segala pemberian serta dikurniakan Husnul Khatimah dan dikurniakan limpahan rahmat berkat keagungan Baginda SAW. (Dan limpahkanlah rahmat dan salam) kepada seluruh ahli keluarga baginda dan para sahabatnya dalam setiap kerlipan mata dan nafas setiap makhluk Allah, wahai Zat yang menguasai seluruh alam".



TAWASSUL DALAM SELAWAT KAMILAH

Menurut majoriti ulama akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, tawassul adalah sebahagian daripada agama.

Pendidikan dan disiplin ilmu tawassul yang indah kepada Rasulullah SAW dalam selawat ini adalah memohon kepada Allah SWT melalui berkat kemuliaan Baginda, seluruh ahli keluarga dan para sahabatnya pada setiap detik, masa dan nafas bilangan setiap mahluk yang maklum bagi Allah SWT dan disimpulkan dalam enam perkara:

1. Menghuraikan segala masalah yang terikat dan tersimpul
2. Menyelesaikan segala kesukaran yang dihadapi
3. Menunaikan segala hajat yang dipohon
4. Menyampaikan segala impian dan cita-cita
5. Memohon husnul khatimah pada akhir hayat
6. Memohon rezeki yang melimpah ruah dari langit dengan turunnya hujan yang menyuburkan tanah dan tanaman.

FAEDAH DAN KESAN SELAWAT KAMILAH

Menurut Imam Jalaluddin al-Suyuti RA (w.911H), terdapat 40 faedah selawat ke atas junjungan besar Baginda Rasulullah SAW.

Menurut Maulana Muhammad Musa al-Bazi (2017), Khalifah Tarekat Chistiyah dari Pakistan, ibadah selawat adalah bahagian dari keindahan, kemanisan, keagungan dan kenikmatan terindah kepada umat Nabi Muhammad SAW, manakala faedahnya sangat besar kerana ia mengandungi pelbagai rahsia dan pancaran cahaya dari Allah SWT.

Menurut Ustaz Ahmad Tunggal (2016), iaitu Sheikh Badan Kebajikan Jamaah Khujakan Johor yang telah membimbing para jamaah selama lebih 40 tahun bacaan Selawat Kamilah sebanyak 4,444 kali di Masjid al-Hijrah, Pekan Baru, Parit Yusof, Muar, Johor dan berdasarkan pengalaman para ahli tarekat yang lainnya bahawa kesan amalan ini dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT sangat membantu dalam memberikan ketenangan dan ketenteraman jiwa dan perasaan. Selain itu pengamalnya akan turut merasai keberkesanan doa dan hajat terutama hajat menyembuhkan penyakit.

KESIMPULAN

Selawat adalah perintah dari Allah SWT. Selawat Kamilah adalah salah satu daripada koleksi sighth selawat yang bersumberkan ijihad para ahliillah (mereka yang benar-benar mengenal Allah SWT). Justeru, budaya, amalan dan tradisi Majlis Selawat Kamilah ini adalah bertepatan dengan Maqasid Syariah yang lima.

والله أعلم بالصواب

RUJUKAN

Al-Quran

Hadis

Ibnu Mohsin al-Muari (2017), Majlis Selawat Nariah dan Fatih, Tradisi Amalan Tarekat Muktabarah

Sheikh Maulana Muhammad Musa al-Bazi (2017), Al-Barakat al-Makiyah al-Salawat al-Nabawiyah, \$19 Marketing and Distribution, Kuala Lumpur Malaysia.

Sheikh Abu Talib al-Makki (2010), Qut al-Qulub Fi Muamalatil Mahbub, Darul Sadir, Beirut, Lubnan



SELAWAT KAMILAH DALAM TAREKAT MU'TABARAH



TEAM R & D

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990
Johor Bahru, Johor.

Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>

1439 H / 2018 M

Ditashihkan oleh : Jabatan Mufti Johor